

Cadangan cetus polemik

Gerakan mahasiswa minta peraturan terperinci diwujudkan

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Parti politik nasional tidak seharusnya masuk campur dalam hal ehwal mahasiswa di kampus dengan menjadikan penyuburan demokrasi sebagai alasan.

Justeru, Angkatan Mahasiswa Universiti Malaya (UM) berpendapat penubuhan cawangan parti politik di universiti berisiko merosakkan demokrasi pilihan raya kampus, selain melemahkan gerakan mahasiswa yang tidak didanai parti politik nasional.

Katanya, kesannya boleh menghilangkan pengaruh gerakan terbabit yang selama ini memperjuangkan hak pelajar tanpa pengaruh politik nasional.

"Parti politik di kampus akan menjadi gelanggang perlawanan antara cawangan parti nasional mahasiswa, memberi ruang campur tangan politik dalam kampus, serta melemahkan kesatuan mahasiswa kerana mahasiswa akan mengikut telunjuk parti politik nasional.

"Selain itu, mahasiswa akhirnya akan menjadi tunggangan parti politik nasional, selain universiti dan kampus menjadi tempat perkaderan parti politik na-

sional secara besar-besaran.

"Situasi ini akan membantutkan kemandirian mahasiswa, ia seerti dengan mendoktrinasi pemikiran mahasiswa yang dijalankan oleh parti politik nasional," katanya.

Khamis lalu, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, dilaporkan berkata kementerianya tidak menolak kemungkinan akan memberi kelonggaran untuk parti politik menubuhkan cawangan di kampus universiti.

Beliau ketika menjawab soalan tambahan pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat berkata, ia kerana pelbagai pindaan dilakukan terhadap Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 meliputi aspek kegiatan pelajar, urus tadbir universiti dan sebagainya.

Dalam pada itu, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohammad Haziq Zikri Zainuri, percaya satu tatacara atau peraturan terperinci perlu diwujudkan jika kerajaan mahu membenarkan parti politik menubuhkan cawangan di kampus universiti.

Peluang siswa bergiat aktif

"Saya melihat penubuhan cawangan parti politik di kampus memberi platform kepada mahasiswa bergiat aktif, sekali gus melahirkan mahasiswa yang cakna terhadap keadaan dan isu semasa.

"Ia sangat bagus untuk pendidikan politik golongan belia, namun saya rasa perlu ada tatacara atau peraturan bersesuaian berkaitan perkara ini supaya ma-



Kemasukan cawangan parti politik dikhuatiri rosakkan demokrasi pilihan raya kampus.
(Foto hiasan)

na-mana parti politik yang menubuhkan cawangan tidak bersikap keterlaluan dan melakukan indoktrinasi terhadap mahasiswa berkenaan idelogi mereka.

"Kerajaan juga perlu memberi jaminan dan bersikap neutral," katanya.

Yang Dipertua Majlis Pimpinan Pelajar (MPP) Universiti Teknologi MARA (UiTM), Mohamed Yusuf Hassan, pula berpendapat pelajar universiti perlu diberi kebebasan untuk memilih mana-mana parti politik sekiranya kerajaan membenarkan parti politik nasional menubuhkan cawangan dalam kampus.

Mengakui cadangan itu selaras langkah kerajaan menurunkan had usia mengundi kepada 18 tahun sebelum ini, katanya dengan membenarkan parti politik nasional menubuhkan cawangan dalam universiti, mahasiswa akan lebih cakna dengan isu semasa dan mengenali parti politik

sekali gus dapat membuat pilihan tepat dalam pilihan raya.

Bagaimanapun, katanya, inisiatif itu hanya akan mencapai matlamat jika kerajaan berlaku adil dengan membenarkan semua parti politik sama ada pro-kerajaan atau propembangkang untuk membuka cawangan dalam kampus.

Sementara itu, Presiden Kesatuan Mahasiswa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Aliff Naif Mohd Fizam, berkata kerajaan perlu mewujudkan mekanisme tertentu bagi mengimbangi persaingan gerakan mahasiswa sedia ada dengan parti politik nasional yang memiliki sumber dan sokongan jauh lebih besar.

Jika mekanisme itu tidak diwujudkan, katanya, penubuhan cawangan parti politik di universiti akan memudaratkan politik kampus, khususnya ketika pilihan raya kampus.

“Saya melihat penubuhan cawangan parti politik di kampus memberi platform kepada mahasiswa bergiat aktif dan sekali gus melahirkan mahasiswa yang cakna terhadap keadaan dan isu semasa”

Mohammad Haziq
Zikri Zainuri,
Yang Dipertua
MPP UPM



“Kerajaan perlu mewujudkan mekanisme tertentu bagi mengimbangi persaingan gerakan mahasiswa sedia ada dengan parti politik nasional yang memiliki sumber dan sokongan jauh lebih besar”

Aliff Naif Mohd
Fizam,
Presiden Kesatuan
Mahasiswa UIAM

